

10 NOV 2001

Mahathir-Militan

PUAK MILITAN INGIN TUBUHKAN DAULAH ISLAMIAH

DUNGUN, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kumpulan militan di Malaysia merancang untuk mendirikan Daulah Islamiah selepas menjatuhkan kerajaan Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan berjaya mengesan kegiatan itu lebih awal dan berjaya mengenal pasti mereka yang terlibat.

"Kerana (kegiatan militan) mereka, tidak ada negara Islam yang kuat kerana tumpuan kerajaan negara Islam ialah untuk membendung kegiatan mereka," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas berkunjung ke sebuah rumah peneroka, Mamat Abdullah di Felda Kertih Lima dekat sini.

Beliau berkata kumpulan militan ini telah dilatih di madrasah-madrasah yang tidak diiktiraf di Pakistan dan latihan ketenteraan di Afghanistan daripada puak Taliban.

"Di madrasah ini mereka diajar bagaimana memberontak dengan menggunakan agama sebagai dorongan," katanya.

Dr Mahathir berkata selepas kumpulan itu pulang ke tanah air, mereka bersepakat dengan kumpulan yang sama di Indonesia dan Filipina untuk mendirikan Daulah Islamiah.

"Mereka cuba secara ganas kerana tidak percaya pada sistem demokrasi kononnya mereka hendak mendirikan Daulah Islamiah yang mengandungi Malaysia, Indonesia dan Filipina," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun kegiatan mereka dipatahkan kerana kerajaan telah mengesan mereka lebih awal.

Ditanya mengenai sama ada parti pembangkang terlibat dalam kegiatan militan, Dr Mahathir berkata; "Kita tak tahu dia terlibat atau pun tidak.

"Tetapi yang kita tahu ialah hampir semua daripada gerakan militan Malaysia ini terdiri daripada ahli Pas, Jawatankuasa Pas, Jawatankuasa Pemuda Pas dan tiada daripada Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata bagi kumpulan militan ini, mereka beranggapan negara Islam adalah mengikut cara yang terdapat di Afghanistan yang kini diperintah oleh puak Taliban.

"Dan kalau ada mana-mana kerajaan negara Islam yang cuba membangunkan negara Islam maka mereka akan tuduh negara-negara ini sekular dan tidak Islam," katanya.

-- BERNAMA

MRA MS MAI